



# **SIARAN MEDIA**

## **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **“KIOSK JOMPAY: KERJASAMA PTPTN – AMBANK MUDAHKAN PELANGGAN”**

1. Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi ekpektasi pelanggan, pelbagai saluran dan kemudahan bayaran disediakan oleh PTPTN. Ini bagi memastikan pelanggan PTPTN dapat melunaskan tanggungjawab sebagai peminjam dengan membuat bayaran balik pinjaman selain memudahkan pendeposit untuk membuat penabungan secara konsisten.
2. Selari dengan #OnlineLagiSenang yang diperkenalkan PTPTN, kemudahan bayaran atas talian sentiasa diberi penekanan dan ditambahbaik untuk memudahkan pelanggan membuat bayaran balik pinjaman dan penambahan deposit. Selain kemudahan perbankan internet, FPX dan myPay, JomPAY adalah salah satu saluran yang diperkenalkan PTPTN hasil kerjasama dengan AmBank menerusi **Perjanjian Dagangan JomPAY pada 13 Oktober 2016**.
3. JomPAY merupakan saluran e-pembayaran bagi bayaran balik pinjaman dan penambahan simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang melibatkan 42 bank-bank utama di Malaysia. Kerjasama ini merupakan strategi lautan biru bagi memodenkan platform pembayaran PTPTN. Perkhidmatan JomPAY menekankan ciri-ciri keselamatan, cepat dan mudah digunakan, malah tidak mengenakan caj tambahan kepada pelanggan.
4. **Bagi menggalakkan penggunaan JomPAY di kalangan pelanggan PTPTN, 20 Kiosk JomPay PTPTN disediakan di 20 cawangan PTPTN terpilih seluruh negara. Inisiatif ini merupakan hasil kolaborasi strategik PTPTN dengan pihak AmBank Islamic yang menyumbangkan 20 unit komputer riba kepada**

**PTPTN.** Pada hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif AmBank Islamic, Eqhwan Mokhzanee Muhammad menyerahkan sebuah komputer riba kepada Timbalan Ketua Eksekutif PTPTN (Dasar & Operasi), Mastura binti Mohd Khalid, sebagai simbolik perasmian, dengan disaksikan oleh Pengarah, Pembayaran Runcit, PayNet, Siek Kar Teck di Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Selangor, Shah Alam, Selangor.

5. Timbalan Ketua Eksekutif PTPTN (Dasar & Operasi), Mastura binti Mohd Khalid berkata, PTPTN amat menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak AmBank khususnya AmBank Islamic untuk galakan penggunaan JomPAY. Diharapkan sumbangan komputer riba ini dapat dimanfaatkan oleh pelanggan yang berkunjung ke kaunter untuk membuat bayaran balik dan penambahan deposit secara *online* melalui JomPAY. Kemudahan ini bukan sahaja percuma, malah mengurangkan risiko keselamatan seperti kecurian dan sebagainya.
6. "Ingin saya kongsi juga bahawa mulai Ogos 2017, perkhidmatan JomPAY telah diperluas kepada penambahan deposit SSPN-i Plus. Ini menjadikan saluran JomPAY kini boleh digunakan untuk semua urusan pembayaran PTPTN selain bayaran balik pinjaman dan penambahan deposit SSPN-i sahaja ketika saluran ini dilancarkan. Tahniah saya ucapkan kepada kedua-dua belah pihak atas penambahbaikan yang dilaksanakan ini."katanya lagi.
7. Bagi Ketua Pegawai Eksekutif AmBank Islamic, Eqhwan Mokhzanee Muhammad berkata, susulan daripada kerjasama di antara pihak AmBank Islamic dengan PTPTN pada 13 Oktober 2016, kami telah bekerjasama dalam melancarkan bersama-sama Peraduan JomPAY bermula dari Oktober 2016 sehingga Januari 2017 di mana para pelanggan PTPTN yang bertuah yang membuat pembayaran melalui JomPAY dapat memenangi pelbagai gajet produk Apple. Pada hari ini, kami amat berbesar hati untuk menyerahkan 20 unit komputer riba sebagai sebahagian daripada sumbangan kami kepada PTPTN sempena dengan pembukaan kiosk JomPAY di 20 cawangan PTPTN yang terpilih di seluruh negara,"
8. "Dengan sumbangan ini, kami berharap kiosk tersebut akan menjadi platform yang mudah dan selesa bagi para pelanggan PTPTN untuk melaksanakan

transaksi pembayaran balik pinjaman serta penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus mereka," tambah Eqhwan.

**9. Sejak diperkenalkan, pelanggan PTPTN yang menggunakan saluran JomPAY menunjukkan peningkatan. Dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Julai 2017, sebanyak 298,925 transaksi direkodkan bagi bayaran balik pinjaman melalui JomPAY melibatkan bayaran sebanyak RM72.47 juta.**

10. Sempena perasmian Kiosk PTPTN di PPN Selangor pada hari ini, PTPTN akan mengadakan Kempen JomPAY *Online* mulai 19 September 2017 sehingga 30 September 2017 di Ibu Pejabat PTPTN Negeri Selangor. Menerusi kempen ini, pelanggan PTPTN yang membuat transaksi bayaran di Kiosk JomPAY PPN Selangor akan menerima cenderahati istimewa, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

**11. Kerjasama PTPTN dan AmBank dipereratkan lagi dengan pelantikan AmBank sebagai SAHABAT PTPTN.** Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan PTPTN kepada pihak AmBank atas komitmen AmBank yang telah membuat potongan gaji bagi bayaran balik pinjaman bagi kakitangannya Program SAHABAT merupakan satu bentuk kolaborasi strategik PTPTN dengan agensi Kerajaan atau Swasta bagi menggalakkan majikan membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan penabungan dalam SSPN-i & SSPN-i Plus. Melalui program ini, SAHABAT PTPTN akan diberi komisen bagi potongan gaji bagi bayaran balik dan pembukaan akaun & potongan gaji SSPN-i & SSPN-i Plus selain sentiasa memperolehi maklumat dan penerangan yang tepat berkaitan PTPTN.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**19 September 2017**